

'Peluang saya bersih nama'

Sukma tak mengaku salah kes seks luar tabii, perbicaraan mulai 6 November

Oleh Anwar Hussin

KUALA LUMPUR: Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, yang hadir di Mahkamah Sesyen di sini semalam untuk dibicarakan semula atas tuduhan melakukan seks luar tabii dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sudah tiba masa untuk dia membersihkan namanya.

Sukma, 45, yang mengaku tidak bersalah atas tuduhan sama seperti dihadapinya lapan tahun lalu berkata, dia percaya kepada sistem kehakiman negara dan mahu membuktikan tuduhan dihadapinya itu tidak benar.

"Saya tidak takut, inilah peluang untuk buktikan saya tidak bersalah," katanya kepada pemberita di luar mahkamah, semalam.

Ahli perniagaan yang juga adik angkat Anwar itu berasal dari Indonesia. Dia yang kini menjalankan perniagaan menjual permaidani di Jakarta, hadir di mahkamah bersama dua kakaknya, Komalawati dan Nirmala.

Sukma yang memakai kemeja putih dan kot bagaimanapun kelihatan bergegang air mata apabila polis menggarinya ketika membawa dia dari lokap ke kaunter pejabat pendaftaran mahkamah bagi menguruskan jaminan, selepas selesai prosiding.

Ketika itu, keadaan menjadi agak tegang apabila peguam bela Sukma, Gobind Singh Deo, memarahi dua anggota polis berkenaan kerana menggarinya Sukma sedangkan urusan jaminan sudah selesai dilakukan.

"Kamu buat macam ini seolah-olah dia disabitkan atas kesalahan," kata Gobind pada anggota polis terbabit.

Terdahulu, Sukma yang kelihatan tenang ketika tuduhan dibaca terhadapnya, didakwa membenarkan Anwar melakukan seks luar tabii dengannya di kediaman bekas Timbalan Perdana Menteri itu di No 47, Jalan Damansara pada malam, April 1998.

Sukma didakwa mengikut Seksyen 377(d) Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman maksimum penjara dua tahun.



Sukma Darmawan Sasmitaat Madja

Pada 19 September 1998, Sukma yang mengaku salah atas tuduhan yang sama di Mahkamah Sesyen di sini, dikenakan hukuman penjara enam bulan. Bagaimanapun, kelmarin, Mahkamah Rayuan membatalkan

hukuman yang dikenakan Mahkamah Sesyen itu.

Tiga hakim yang diketuai Datuk Gopal Sri Ram, bersama Datuk Hashim Mohd Yusoff dan Datuk James Foong Cheng Yuen, sebulat suara mengarahkan perbicaraan baru diadakan.

Mahkamah Rayuan mengetepikan sabitan dan hukuman terhadap Sukma selepas mendapati kes itu dibicarakan secara tidak adil dan melanggar peruntukan undang-undang.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Suhaimi Ibrahim memberitahu mahkamah yang pihaknya akan memanggil 25 saksi bagi memberi keterangan. Difahami, seorang daripada saksi itu adalah Anwar.

Suhaimi berkata, sungguhpun tuduhan yang dihadapi Sukma kesalahan yang tidak boleh dijamin, mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya membenarkannya dijamin.

"Asas yang penting ialah adakah terduduh akan hadir ketika perbicaraan apabila jaminan diberikan," katanya.

Gobind kemudian memohon mah-

kamah mengekalkan jaminan RM10,000 dan tidak mengarahkan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

"Anak guam saya sudah melalui penderitaan serta trauma sejak 1998 dan kerana tuduhan ini juga menyebabkan perniagaannya musnah. Kini, dia masih berada di negara ini kerana mahu membersihkan namanya," katanya.

Gobind berkata, Sukma menghormati sistem kehakiman dengan menghadirkan diri setiap kali perbicaraan terhadapnya diadakan dan adalah tidak adil jika mahkamah bersetuju supaya pasportnya ditahan.

Hakim Nursinah Adzmi mengarahkan Sukma diikat jamin RM10,000 dan menetapkan perbicaraan kes itu selama dua minggu bermula 6 November depan. Mahkamah tidak mengarahkan Sukma menyerahkan pasportnya sebagai syarat jaminan.

Sukma membayar jaminan itu melalui penjaminnya yang juga rakan-nya, Rahim Mazlan.